



KEMENTERIAN
PENDIDIKAN
MALAYSIA

KURIKULUM STANDARD SEKOLAH MENENGAH

Kesusasteraan Melayu Komunikatif

Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran

Tingkatan 4 dan 5



KURIKULUM STANDARD SEKOLAH MENENGAH

Kesusasteraan Melayu Komunikatif

Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran

Tingkatan 4 dan 5

**Bahagian Pembangunan Kurikulum
SEPTEMBER 2018**

Terbitan 2018

© Kementerian Pendidikan Malaysia

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat kebenaran bertulis daripada Pengarah, Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia, Aras 4-8, Blok E9, Parcel E, Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62604 Putrajaya.

KANDUNGAN

Rukun Negara	v
Falsafah Pendidikan Kebangsaan	vi
Falsafah Pendidikan Kesusasteraan Melayu	vii
Definisi Kurikulum Kebangsaan	viii
Kata Pengantar	ix
Pendahuluan	1
Matlamat	2
Objektif	2
Kerangka Kurikulum Standard Sekolah Menengah	3
Fokus	4
Kemahiran Abad Ke-21	4
Kemahiran Berfikir Aras Tinggi	6
Strategi Pengajaran dan Pembelajaran	7
Elemen Merentas Kurikulum	11

Pentaksiran Bilik Darjah	14
Organisasi Kandungan	16
Apresiasi Sastera	19
Pembangunan Insan	23
Pengkaryaan	25
Glosari	27
Panel Penggubal	30
Penghargaan	32



RUKUN NEGARA

BAHAWASANYA Negara kita Malaysia mendukung cita-cita hendak:
Mencapai perpaduan yang lebih erat dalam kalangan seluruh masyarakatnya;
Memelihara satu cara hidup demokratik;
Mencipta satu masyarakat yang adil di mana kemakmuran negara
akan dapat dinikmati bersama secara adil dan saksama;
Menjamin satu cara yang liberal terhadap tradisi-tradisi
kebudayaannya yang kaya dan berbagai corak;
Membina satu masyarakat progresif yang akan menggunakan
sains dan teknologi moden;

MAKA KAMI, rakyat Malaysia, berikrar akan menumpukan seluruh tenaga dan usaha kami untuk mencapai cita-cita tersebut berdasarkan atas prinsip-prinsip yang berikut:

**KEPERCAYAAN KEPADA TUHAN
KESETIAAN KEPADA RAJA DAN NEGARA
KELUHURAN PERLEMBAGAAN
KEDAULATAN UNDANG-UNDANG
KESOPANAN DAN KESUSILAAN**

FALSAFAH PENDIDIKAN KEBANGSAAN

“Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah lebih memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani, berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bertujuan untuk melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberikan sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara”

Sumber: Akta Pendidikan 1996 (Akta 550)

FALSAFAH PENDIDIKAN KESUSASTERAAN MELAYU

Pendidikan Kesusasteraan Melayu di Malaysia bertujuan untuk menjana minda, rohani dan emosi, mengukuhkan jati diri, menyuburkan budaya bangsa dan memupuk sikap berdaya saing ke arah pembinaan insan bestari.

DEFINISI KURIKULUM KEBANGSAAN

3. Kurikulum Kebangsaan

(1) Kurikulum Kebangsaan ialah suatu program pendidikan yang termasuk kurikulum dan kegiatan kokurikulum yang merangkumi semua pengetahuan, kemahiran, norma, nilai, unsur kebudayaan dan kepercayaan untuk membantu perkembangan seseorang murid dengan sepenuhnya dari segi jasmani, rohani, mental dan emosi serta untuk menanam dan mempertingkatkan nilai moral yang diingini dan untuk menyampaikan pengetahuan.

Sumber: Peraturan-Peraturan Pendidikan (Kurikulum Kebangsaan) 1997
[PU(A)531/97]

KATA PENGANTAR

Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) yang dilaksanakan secara berperingkat mulai tahun 2017 akan menggantikan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) yang mula dilaksanakan pada tahun 1989. KSSM digubal bagi memenuhi keperluan dasar baharu di bawah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 agar kualiti kurikulum yang dilaksanakan di sekolah menengah setanding dengan standard antarabangsa. Kurikulum berasaskan standard yang menjadi amalan antarabangsa telah dijemakan dalam KSSM menerusi penggubalan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) untuk semua mata pelajaran yang mengandungi Standard Kandungan, Standard Pembelajaran dan Standard Prestasi.

Usaha memasukkan standard pentaksiran dalam dokumen kurikulum telah mengubah lanskap sejarah sejak Kurikulum Kebangsaan dilaksanakan di bawah Sistem Pendidikan Kebangsaan. Menerusinya murid dapat ditaksir secara berterusan untuk mengenal pasti tahap penguasaannya dalam sesuatu mata pelajaran, serta membolehkan guru membuat tindakan susulan bagi mempertingkatkan pencapaian murid.

DSKP yang dihasilkan juga telah menyepadukan enam tunjang Kerangka KSSM, mengintegrasikan pengetahuan, kemahiran dan nilai, serta memasukkan secara eksplisit Kemahiran Abad Ke-21 dan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT). Penyepaduan tersebut dilakukan untuk melahirkan insan seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani sebagaimana tuntutan Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Bagi menjayakan pelaksanaan KSSM, pengajaran dan pembelajaran guru perlu memberi penekanan kepada KBAT dengan memberi fokus kepada pendekatan Pembelajaran Berasaskan Inkuiri dan Pembelajaran Berasaskan Projek, supaya murid dapat menguasai kemahiran yang diperlukan dalam abad ke-21.

Kementerian Pendidikan Malaysia merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam penggubalan KSSM. Semoga pelaksanaan KSSM akan mencapai hasrat dan matlamat Sistem Pendidikan Kebangsaan.

Dr. MOHAMED BIN ABU BAKAR
Timbalan Pengarah
Bahagian Pembangunan Kurikulum
Kementerian Pendidikan Malaysia

PENDAHULUAN

Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) Kesusasteraan Melayu Komunikatif (KMK) digubal bagi menggantikan kurikulum Kesusasteraan Melayu (KM). Mata pelajaran ini merupakan mata pelajaran elektif bagi murid Tingkatan 4 dan 5. KMK yang digubal ini lebih bersifat komunikatif kerana murid perlu banyak berbincang semasa menilai teks serta memberikan peluang kepada murid untuk berkarya dan menonjolkan kreativiti dalam bidang kesusasteraan.

Kandungan KSSM KMK terdiri daripada tiga bahagian, iaitu Apresiasi Sastera, Pembangunan Insan dan Pengkaryaan. Ketiga-tiga bahagian ini merupakan satu pendekatan baharu yang diperkenalkan dalam KMK yang perlu dikuasai oleh murid menengah atas (Tingkatan 4 dan 5). Melalui kajian teks, murid belajar elemen sastera bagi membantu dalam penghasilan karya yang memenuhi ciri-ciri penulisan yang baik. Selain itu, tema dan persoalan yang digarap oleh pengarang atau penyair dalam sesuatu karya dapat dijadikan panduan dalam membentuk sahsiah diri serta menyumbang kepada pembangunan masyarakat dan negara.

Pendekatan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) mata pelajaran KMK menitikberatkan aktiviti bersifat praktikal (*hands-on*), penerokaan minda (*minds-on*) dan penghayatan (*hearts-on*) serta lebih mencabar pemikiran kreatif murid. Guru digalakkan mengadakan sesi perkongsian pengalaman bersama-sama para karyawan sastera serta orang yang pakar dalam bidang yang berkaitan agar dapat membantu murid mendekati, memahami, menghayati dan menghargai kesusasteraan dengan lebih baik. Murid juga digalakkan meneroka pengalaman di luar sekolah dalam usaha mencari idea dan inspirasi dalam berkarya.

Bagi memastikan PdP KMK berjaya dilaksanakan, aspek pentaksiran turut dijalankan melalui Pentaksiran Bilik Darjah (PBD). PBD dijalankan menggunakan pertimbangan profesional guru untuk melihat keupayaan murid dalam menguasai Standard Pembelajaran yang melibatkan penilaian dalam ilmu kesusasteraan Melayu serta penghasilan karya. Penilaian Sumatif akan memberikan wajaran sebanyak 60 peratus bagi Bahagian Apresiasi Sastera dan Pembangunan Insan, manakala wajaran sebanyak 40 peratus bagi Bahagian Pengkaryaan.

MATLAMAT

Matlamat KSSM KMK adalah untuk melahirkan murid yang dapat memiliki ilmu dan pengetahuan tentang kesusasteraan; berkemahiran dalam menghasilkan karya kreatif yang menepati ciri-ciri; berkeperibadian mulia dan dapat menyumbang kepada pembangunan masyarakat dan negara; serta mampu memahami, menghayati dan menghargai karya sastera.

OBJEKTIF


KSSM KMK bertujuan untuk membolehkan murid mencapai objektif yang berikut:

1. Membaca, memahami dan menghayati karya yang dibaca.
2. Mengenali pengarang, memahami definisi, ciri-ciri dan fungsi sastera Melayu.
3. Menganalisis elemen sastera yang terdapat dalam puisi dan prosa.
4. Membentuk sahsiah diri yang terpuji dengan mengenal pasti dan menilai elemen keagamaan serta keperibadian unggul yang terdapat dalam karya.
5. Menjadi ahli masyarakat yang prihatin dengan mengenal pasti dan menilai isu serta citra masyarakat yang terdapat dalam karya.
6. Menjadi warganegara yang memiliki sikap bertanggungjawab dan cinta akan negara melalui elemen patriotisme dan kepimpinan yang terdapat dalam karya.
7. Mengadaptasi atau menghasilkan karya puisi dan prosa bertulis yang menepati ciri-ciri sastera yang baik.
8. Mempersembahkan karya yang diadaptasi atau yang dihasilkan dalam pelbagai bentuk yang kreatif, menarik dan berkesan.
9. Menghargai (apresiasi) kesusasteraan Melayu dan memupuk minat membaca karya sastera yang berkualiti.

KERANGKA KURIKULUM STANDARD SEKOLAH MENENGAH

KSSM dibina berasaskan enam tunjang, iaitu Komunikasi; Kerohanian, Sikap dan Nilai; Kemanusiaan; Keterampilan Diri; Perkembangan Fizikal dan Estetik; serta Sains dan Teknologi. Enam tunjang tersebut merupakan domain utama yang menyokong antara satu sama lain dan disepadukan dengan pemikiran kritis, kreatif dan inovatif. Kesepaduan ini bertujuan untuk

membangunkan modal insan yang menghayati nilai-nilai murni berteraskan keagamaan, berpengetahuan, berketerampilan, berpemikiran kritis dan kreatif serta inovatif sebagaimana yang digambarkan dalam Rajah 1. KSSM KMK digubal berdasarkan enam tunjang kerangka KSSM.



Rajah 1: Kerangka Kurikulum Standard Sekolah Menengah

FOKUS

Fokus KSSM KMK adalah untuk memberikan pengetahuan dan ilmu dalam bidang kesusasteraan. Bermula dengan pengenalan tentang kesusasteraan Melayu dan meneroka biodata pengarang, murid juga belajar tentang elemen sastera yang merangkumi tema, watak, latar, plot, gaya bahasa, sudut pandangan, nilai dan pengajaran. Murid turut belajar asas kritikan sastera.

Tumpuan juga diberikan untuk membangunkan insan melalui pembacaan dan penghayatan karya yang dapat membentuk sahsiah diri, kepimpinan serta pola fikir yang positif. Pembangunan insan juga mampu memupuk sikap bertanggungjawab sebagai ahli masyarakat yang memahami dan menerima adat serta budaya pelbagai bangsa dalam pembentukan negara yang harmonis.

KMK turut menekankan penghasilan karya bertulis yang diadaptasi dan asli menggunakan daya pemikiran yang kreatif serta mempersembahkannya menggunakan pelbagai media. Pengalaman ini akan memberikan peluang kepada murid untuk mengenal pasti keupayaan dan bakat dalam sesuatu genre yang boleh dikembangkan.

Bagi mencapai fokus ini, genre yang dikaji dalam KMK ialah novel, cerpen, drama, puisi moden, puisi tradisional dan prosa tradisional. Oleh itu, DSKP ini hendaklah dijadikan rujukan wajib bagi guru dalam menjalankan PdP KMK dalam usaha melahirkan murid yang kreatif dan inovatif dalam bidang kesusasteraan

KEMAHIRAN ABAD KE-21

Satu daripada hasrat KSSM adalah untuk melahirkan murid yang menguasai Kemahiran Abad Ke-21 dengan memberikan fokus kepada kemahiran berfikir serta kemahiran hidup dan kerjaya yang berteraskan amalan nilai murni. Kemahiran Abad ke-21 bermatlamat untuk melahirkan murid yang mempunyai ciri-ciri yang dinyatakan dalam profil murid seperti dalam Jadual 1, supaya berupaya bersaing pada peringkat global. Penguasaan Standard Kandungan (SK) dan Standard Pembelajaran (SP) dalam Kurikulum KMK Sekolah Menengah menyumbang kepada pemerolehan Kemahiran Abad ke-21 dalam kalangan murid.

Jadual 1: Profil Murid

PROFIL MURID	PENERANGAN
Berdaya Tahan	Mereka mampu menghadapi dan mengatasi kesukaran, mengatasi cabaran dengan kebijaksanaan, keyakinan, toleransi dan bersifat empati.
Mahir Berkomunikasi	Mereka menyuarakan dan meluahkan fikiran, idea dan maklumat dengan yakin dan kreatif secara lisan dan bertulis, menggunakan pelbagai media dan teknologi.
Pemikir	Mereka berfikir secara kritikal, kreatif dan inovatif; mampu untuk menangani masalah yang kompleks dan membuat keputusan yang beretika. Mereka berfikir tentang pembelajaran dan diri mereka sebagai murid. Mereka menjana soalan dan bersifat terbuka kepada perspektif, nilai dan tradisi individu dan masyarakat lain. Mereka berkeyakinan dan kreatif dalam menangani bidang pembelajaran yang baharu.

PROFIL MURID	PENERANGAN
Kerja Sepasukan	Mereka boleh bekerjasama secara berkesan dan harmoni dengan orang lain. Mereka menggalas tanggungjawab bersama-sama serta menghormati dan menghargai sumbangan yang diberikan oleh setiap ahli pasukan. Mereka memperoleh kemahiran interpersonal melalui aktiviti kolaboratif yang menjadikan mereka pemimpin dan ahli pasukan yang lebih baik.
Bersifat Ingin Tahu	Mereka membangunkan rasa ingin tahu semula jadi untuk meneroka strategi dan idea baharu. Mereka mempelajari kemahiran yang diperlukan untuk menjalankan inkuiri dan penyelidikan, serta menunjukkan sifat berdikari dalam pembelajaran. Mereka dapat menikmati pengalaman pembelajaran sepanjang hayat secara berterusan.
Berprinsip	Mereka berintegriti dan jujur, kesamarataan, adil dan menghormati maruah individu, kumpulan dan komuniti. Mereka bertanggungjawab atas tindakan, akibat tindakan serta keputusan mereka.

PROFIL MURID	PENERANGAN
Bermaklumat	Mereka mendapatkan pengetahuan dan membentuk pemahaman yang luas dan seimbang merentasi pelbagai disiplin pengetahuan. Mereka meneroka pengetahuan dengan cekap dan berkesan dalam konteks isu tempatan dan global. Mereka memahami isu-isu etika/undang-undang berkaitan maklumat yang diperolehi.
Penyayang/ Prihatin	Mereka menunjukkan empati, belas kasihan dan rasa hormat terhadap keperluan dan perasaan orang lain. Mereka komited untuk berkhidmat kepada masyarakat dan memastikan kelestarian alam sekitar.
Patriotik	Mereka mempamerkan kasih sayang, sokongan dan rasa hormat terhadap negara.

KEMAHIRAN BERFIKIR ARAS TINGGI

Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dinyatakan dalam kurikulum secara eksplisit supaya guru dapat menterjemahkan dalam Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) bagi merangsang pemikiran berstruktur dan berfokus dalam kalangan murid. Penerangan KBAT adalah berfokus kepada empat tahap pemikiran seperti Jadual 2.

Jadual 2: Tahap pemikiran dalam KBAT

TAHAP PEMIKIRAN	PENERANGAN
Mengaplikasi	Menggunakan pengetahuan, kemahiran, dan nilai dalam situasi berlainan untuk melaksanakan sesuatu perkara.
Menganalisis	Mencerakinkan maklumat kepada bahagian kecil untuk memahami dengan lebih mendalam serta hubung kait antara bahagian berkenaan.
Menilai	Membuat pertimbangan dan keputusan menggunakan pengetahuan, pengalaman, kemahiran dan nilai serta memberi justifikasi.
Mencipta	Menghasilkan idea, produk atau kaedah yang kreatif dan inovatif.

KBAT ialah keupayaan untuk mengaplikasikan pengetahuan, kemahiran dan nilai dalam membuat penaaakulan dan refleksi bagi menyelesaikan masalah, membuat keputusan, berinovasi dan berupaya mencipta sesuatu. KBAT merangkumi kemahiran berfikir kritis, kreatif dan menaakul serta strategi berfikir.

Kemahiran berfikir kritis ialah kebolehan untuk menilai sesuatu idea secara logik dan rasional untuk membuat pertimbangan yang wajar dengan menggunakan alasan dan bukti yang munasabah.

Kemahiran berfikir kreatif ialah kemampuan untuk menghasilkan atau mencipta sesuatu yang baharu dan bernilai dengan menggunakan daya imaginasi secara asli serta berfikir tidak mengikut kelaziman.

Kemahiran menaakul ialah keupayaan individu membuat pertimbangan dan penilaian secara logik dan rasional.

Strategi berfikir merupakan cara berfikir yang berstruktur dan berfokus untuk menyelesaikan masalah.

KBAT boleh diaplikasi dalam bilik darjah melalui aktiviti berbentuk menaakul, pembelajaran inkuiri, penyelesaian masalah dan projek. Guru dan murid perlu menggunakan alat berfikir seperti peta pemikiran dan peta minda serta penyoalan aras tinggi untuk menggalakkan murid berfikir.

STRATEGI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

Dalam mencapai hasrat dan matlamat KSSM, strategi PdP KMK boleh menggunakan pelbagai prinsip, teknik dan pendekatan yang bersesuaian dengan kebolehan murid. Keberkesanan PdP bergantung kepada kebijaksanaan PdP guru dalam memenuhi konsep bersepadu dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan juga Falsafah Pendidikan Kesusasteraan Melayu seiring dengan hasrat KSSM untuk melahirkan murid yang berdaya saing.

Penyelesaian Masalah

Penyelesaian masalah ialah aktiviti PdP yang mencabar pemikiran murid untuk menyelesaikan masalah. Murid perlu menggunakan kemahiran, prinsip dan teori yang telah dipelajari untuk menyelesaikan masalah yang diberikan. Selain itu, penyelesaian masalah secara kolaboratif perlu digalakkan dalam aktiviti bilik darjah.

Pembelajaran Berasaskan Projek

Pembelajaran berasaskan projek merupakan pengaplikasian dan penggabungjalinan pengetahuan, kemahiran dan nilai yang dipelajari daripada pelbagai disiplin ilmu untuk menyelesaikan masalah. Murid menggunakan maklumat lama dan baharu untuk

menghasilkan sesuatu yang nyata. Kaedah ini melibatkan murid mengkaji sesuatu isu, menyiasat dan mempersembahkan dapatannya. Hal ini juga dapat membantu guru menilai perkembangan atau kualiti pembelajaran murid. Murid lebih bermotivasi kerana dapat menghasilkan sesuatu produk.

Pembelajaran Koperatif

Pembelajaran koperatif ialah kaedah PdP dalam kumpulan yang membolehkan murid saling belajar sambil belajar dan membantu antara satu sama lain untuk menyelesaikan sesuatu tugas. Ahli kumpulan bekerja, berkongsi idea, bahan dan peralatan untuk mencapai matlamat sendiri dan kumpulan. Pembelajaran koperatif dapat menghasilkan tugas kumpulan, mewujudkan interaksi, semangat bekerja sepasukan dan latihan kepimpinan.

Pembelajaran Kecerdasan Pelbagai

Pembelajaran kecerdasan pelbagai dapat mengembangkan potensi kecerdasan, minat dan kecenderungan murid kerana setiap individu mempunyai kecerdasan dan kebolehan yang berbeza. Kecerdasan pelbagai merangkumi kecerdasan verbal-linguistik, logik-matematik, muzik, kinestetik, visual-ruang, interpersonal, intrapersonal dan naturalis.

Pembelajaran Kontekstual

Pembelajaran kontekstual ialah kaedah pembelajaran yang mengaitkan isi pelajaran dengan pengalaman harian individu dan masyarakat. Pembelajaran berlaku apabila murid berupaya menghubungkan pengetahuan baharu secara bermakna dan menghayati kerelevanan pembelajaran dalam kehidupan mereka.

Pembelajaran Konstruktivisme

Pembelajaran konstruktivisme dalam pendidikan dapat melahirkan murid yang berkeupayaan untuk membina pemahaman dan pengetahuan baharu mereka sendiri berdasarkan pengalaman sedia ada. Pembelajaran ini menjadikan murid lebih faham, yakin dan seronok belajar sepanjang hayat mereka.

Kemahiran Belajar Cara Belajar

Kemahiran belajar cara belajar perlu diajarkan kepada murid supaya mereka peka terhadap teknik pembelajaran yang berkesan. Penguasaan kemahiran ini membolehkan murid meningkatkan pengetahuan, cekap bertindak untuk menghadapi dunia yang sering berubah dan berupaya mengamalkan pembelajaran seumur hidup.

Kajian Masa Depan

Kajian masa depan ialah pendekatan pengajaran yang bertujuan mendidik murid agar lebih prihatin terhadap sesuatu perkara atau isu yang berlaku pada masa lampau, kini dan masa hadapan. Hal ini bermakna murid dapat membuat ramalan, menjangka akibat dan menangani perubahan.

Pembelajaran Akses Kendiri

Pembelajaran akses kendiri adalah satu program yang membolehkan murid belajar secara sendiri melalui penggunaan bahan pembelajaran. Murid diberikan peluang memilih aktiviti, menilai hasil kerja dan memantau kemajuan sendiri agar mereka bertanggungjawab dan berdikari terhadap pembelajaran mereka.

Pembelajaran Luar Bilik Darjah

Pembelajaran luar bilik darjah merupakan aktiviti kurikulum yang dilakukan di luar bilik darjah secara terancang dan berstruktur. Kaedah ini dapat mengukuhkan pemahaman murid terhadap konsep yang dipelajari di dalam bilik darjah, memberikan pengalaman pembelajaran dalam situasi yang sebenar di samping mengembangkan kemahiran sosial dan insaniah. Dalam pembelajaran KM, strategi ini sangat membantu murid dalam menjana idea dan mendapat inspirasi bagi penghasilan karya yang bermutu.

Pembelajaran Masteri

Pembelajaran masteri sejajar dengan penetapan standard dalam KSSM yang bertujuan untuk memastikan semua murid menguasai kemahiran atau kecekapan bahasa dengan baik. Pembelajaran dipecahkan kepada unit yang lebih kecil supaya mudah dikuasai. Murid perlu menguasai tahap masteri sebelum beralih ke standard pembelajaran yang seterusnya.

Pendekatan Modular

Pendekatan modular bermaksud memecahkan kemahiran kepada unit-unit kecil iaitu dalam bentuk bidang, tajuk, kemahiran atau nilai. Kurikulum KMK distrukturkan kepada bidang iaitu Apresiasi Sastera, Pembangunan Insan dan Penghasilan Karya. Melalui pendekatan ini, setiap kemahiran dapat dilaksanakan dengan lebih berfokus dan mudah dikuasai oleh murid. Dalam KMK, pendekatan modular dilaksanakan secara berurutan (*linear*) dan tidak berurutan (*non linear*), iaitu murid perlu mempelajari setiap Standard Pembelajaran secara berurutan agar dapat menguasai peringkat seterusnya, manakala penghasilan karya pula boleh dilakukan pada mana-mana peringkat. Walau bagaimanapun, pendekatan modular dilaksanakan secara berpusatkan murid dan berfokus iaitu guru akan mengajar hanya satu kemahiran dalam satu sesi PdP

di dalam bilik darjah. Pentaksiran dalam pendekatan modular dijalankan secara berterusan iaitu secara formatif dan sumatif untuk mengukur perkembangan murid.

Pembelajaran Berpusatkan Murid

PdP dalam mata pelajaran KMK haruslah berpusatkan murid. Pendekatan ini membolehkan murid berinteraksi dan menguasai kemahiran belajar mengikut keupayaan sendiri. Oleh itu, murid dapat membina keyakinan berbahasa dalam pembelajaran mereka.

Pembelajaran Berasaskan Inkuiri

Pembelajaran berasaskan inkuiri merupakan pendekatan PdP yang berpusatkan murid secara menyeluruh. Murid mencari dan menyelidiki sesuatu perkara atau peristiwa secara sistematik, kritis dan analitis sehingga dapat merumuskan jawapan kepada persoalan atau penemuannya sendiri dengan yakin. Guru berperanan sebagai fasilitator untuk membimbing proses penerokaan dan refleksi misalnya melalui aktiviti soal jawab. Ciri-ciri pembelajaran inkuiri berfokus pada hipotesis yang hendak diuji, sikap keterbukaan penggunaan dan pengesahan fakta atau bukti dan rumusan.

Pendekatan Didik Hibur

Pendekatan didik hibur merupakan satu pendekatan dalam proses PdP yang menekankan persekitaran pembelajaran yang menyeronokkan secara terancang. Keseronokan akan wujud melalui pembelajaran yang santai, menarik, menghiburkan dan bermakna yang dapat membantu mengukuhkan pemahaman dan merangsang murid untuk belajar. Unsur didik hibur boleh wujud dalam bahan dan aktiviti PdP bagi membolehkan murid mencapai ilmu, kemahiran dan nilai dalam Kesusasteraan Melayu. Pendekatan didik hibur dapat dijalankan antaranya melalui aktiviti seperti teater pembaca, teater bercerita, persidangan meja bulat, monodrama, improvisasi, mestamu, dekon, NURMAS, bongkah emosi, adaptasi serta PdP menggunakan perisian seperti *Powtoon*, *Prezi*, *Strip Komik*, *Filmora*, *Kahoot*, *Toondo* atau *Manic Miner* yang dapat membantu murid dalam pengkaryaan.

Kepelbagaian Sumber dan Bahan

Penggunaan pelbagai sumber dan bahan amatlah digalakkan dalam PdP KMK. Bahan berunsur ilmu, separa ilmiah dan bahan sastera hendaklah digunakan dalam PdP bagi bacaan intensif dan ekstensif. Kepelbagaian sumber atau medium ini merujuk penggunaan sumber pertama, bercetak, elektronik, digital dan

Internet, serta bahan yang autentik, seperti akhbar, majalah, buku rujukan, kamus, glosari dan sebagainya.

ELEMEN MERENTAS KURIKULUM

Elemen Merentas Kurikulum (EMK) ialah unsur nilai tambah yang diterapkan dalam proses PdP selain yang ditetapkan dalam SK dan SP. Elemen ini diterapkan bertujuan untuk mengukuhkan kemahiran dan keterampilan modal insan yang dihasratkan serta dapat menangani cabaran semasa dan masa hadapan. Elemen di dalam EMK adalah seperti yang berikut:

1. Bahasa

- Penggunaan bahasa pengantar yang betul perlu dititikberatkan dalam semua mata pelajaran.
- Semasa PdP bagi setiap mata pelajaran, aspek sebutan, struktur ayat, tatabahasa, istilah dan laras bahasa perlu diberi penekanan bagi membantu murid menyusun idea dan berkomunikasi secara berkesan.

2. Kelestarian Alam Sekitar

- Kesedaran mencintai dan menyayangi alam sekitar dalam jiwa murid perlu dipupuk melalui PdP semua mata pelajaran.
- Pengetahuan dan kesedaran terhadap kepentingan alam sekitar dalam membentuk etika murid untuk menghargai alam.

3. Nilai Murni

- Nilai murni diberi penekanan dalam semua mata pelajaran supaya murid sedar akan kepentingan dan mengamalkannya.
- Nilai murni merangkumi aspek kerohanian, kemanusiaan dan kewarganegaraan yang menjadi amalan dalam kehidupan harian.

4. Sains dan Teknologi

- Menambahkan minat terhadap bidang sains dan teknologi dapat meningkatkan literasi sains serta teknologi dalam kalangan murid.

- Penggunaan teknologi dalam pengajaran dapat membantu serta menyumbang kepada pembelajaran yang lebih cekap dan berkesan.
- Pengintegrasian sains dan teknologi dalam PdP merangkumi empat perkara iaitu:
 - (i) Pengetahuan sains dan teknologi (fakta, prinsip, konsep yang berkaitan dengan sains dan teknologi);
 - (ii) Kemahiran saintifik (proses pemikiran dan kemahiran manipulatif tertentu);
 - (iii) Sikap saintifik (seperti ketepatan, kejujuran, keselamatan); dan
 - (iv) Penggunaan teknologi dalam aktiviti PdP.

5. Patriotisme

- Semangat patriotik dapat dipupuk melalui semua mata pelajaran, aktiviti kokurikulum dan khidmat masyarakat.
- Semangat patriotik dapat melahirkan murid yang mempunyai semangat cinta akan negara dan berbangga sebagai rakyat Malaysia.

6. Kreativiti dan Inovasi

- Kreativiti ialah kebolehan menggunakan imaginasi untuk mengumpul, mencerna dan menjana idea atau mencipta sesuatu yang baharu atau asli melalui ilham atau gabungan idea yang ada.
- Inovasi merupakan pengaplikasian kreativiti melalui ubah suaian, membaiki dan mempraktikkan idea.
- Kreativiti dan inovasi saling bergandingan dan perlu untuk memastikan pembangunan modal insan yang mampu menghadapi cabaran abad ke-21.
- Elemen kreativiti dan inovasi perlu diintegrasikan dalam PdP.

7. Keusahawanan

- Penerapan elemen keusahawanan bertujuan membentuk ciri-ciri dan amalan keusahawanan sehingga menjadi satu budaya dalam kalangan murid.
- Ciri keusahawanan boleh diterapkan dalam PdP melalui aktiviti yang mampu memupuk sikap seperti rajin, jujur, amanah dan bertanggungjawab serta membangunkan minda kreatif dan inovatif untuk memacu idea ke pasaran.

8. Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK)

- Penerapan elemen TMK dalam PdP memastikan murid dapat mengaplikasi dan mengukuhkan pengetahuan dan kemahiran asas TMK yang dipelajari.
- Pengaplikasian TMK bukan sahaja mendorong murid menjadi kreatif malah menjadikan PdP lebih menarik dan menyeronokkan serta meningkatkan kualiti pembelajaran.
- TMK diintegrasikan mengikut kesesuaian topik yang hendak diajar dan sebagai pengupaya bagi meningkatkan lagi kefahaman murid terhadap kandungan mata pelajaran.
- Salah satu penekanan dalam TMK adalah pemikiran komputasional yang boleh diaplikasikan dalam semua mata pelajaran. Pemikiran komputasional merupakan satu kemahiran untuk menggunakan konsep penaakulan logik, algoritma, leraian, pengecaman corak, peniskalaan dan penilaian dalam proses menyelesaikan masalah berbantuan komputer

9. Kelestarian Global

- Elemen Kelestarian Global bermatlamat melahirkan murid berdaya fikir lestari yang bersikap responsif terhadap

persekitaran dalam kehidupan harian dengan mengaplikasi pengetahuan, kemahiran dan nilai yang diperoleh melalui elemen Penggunaan dan Pengeluaran Lestari, Kewarganegaraan Global dan Perpaduan.

- Elemen Kelestarian Global penting dalam menyediakan murid bagi menghadapi cabaran dan isu semasa peringkat tempatan, negara dan global.
- Elemen ini diajar secara langsung dan secara sisipan dalam mata pelajaran yang berkaitan.

10. Pendidikan Kewangan

- Penerapan elemen Pendidikan Kewangan bertujuan untuk membentuk generasi masa hadapan yang berkeupayaan membuat keputusan kewangan yang bijak, mengamalkan pengurusan kewangan yang beretika serta berkemahiran menguruskan hal ehwal kewangan secara bertanggungjawab.
- Elemen Pendidikan Kewangan boleh diterapkan dalam PdP secara langsung ataupun secara sisipan. Penerapan secara langsung adalah melalui tajuk-tajuk seperti Wang, yang mengandungi elemen kewangan secara eksplisit misalnya, pengiraan faedah mudah dan faedah kompaun. Penerapan

secara sisipan pula diintegrasikan melalui tajuk-tajuk lain yang merentas kurikulum. Pendedahan kepada pengurusan kewangan dalam kehidupan sebenar adalah penting bagi menyediakan murid dengan pengetahuan, kemahiran dan nilai yang dapat diaplikasikan secara berkesan dan bermakna.

PENTAKSIRAN BILIK DARJAH (PBD)

Pentaksiran bilik darjah (PBD) merupakan proses mendapatkan maklumat tentang perkembangan murid yang dirancang, dilaksanakan dan dilaporkan oleh guru yang berkenaan. Proses ini berlaku berterusan bagi membolehkan guru menentukan tahap penguasaan murid.

PBD boleh dilaksanakan oleh guru secara formatif dan sumatif. Pentaksiran secara formatif dilaksanakan seiring dengan proses PdP, manakala pentaksiran secara sumatif dilaksanakan pada akhir sesuatu unit pembelajaran, penggal, semester atau tahun. Guru perlulah merancang, membina item atau instrumen pentaksiran, mentadbir, memeriksa, merekod dan melapor tahap penguasaan yang diajar berdasarkan DSKP.

Dalam usaha memastikan pentaksiran membantu meningkatkan keupayaan dan penguasaan murid, guru haruslah melaksanakan pentaksiran yang mempunyai ciri-ciri berikut:

- Menggunakan pelbagai kaedah pentaksiran seperti pemerhatian, lisan dan penulisan.
- Menggunakan pelbagai strategi pentaksiran yang boleh dilaksanakan oleh guru dan murid.
- Mengambil kira pelbagai aras pengetahuan dan kemahiran yang dipelajari.
- Membolehkan murid mempamerkan pelbagai keupayaan pembelajaran.
- Mentaksir tahap penguasaan murid berdasarkan Standard Pembelajaran dan Standard Prestasi.
- Mengambil tindakan susulan bagi tujuan pemulihan dan pengukuhan.

Tahap Penguasaan Keseluruhan Mata Pelajaran Kesusasteraan Melayu Komunikatif

Tahap penguasaan keseluruhan adalah untuk menunjukkan tanda aras tertentu yang disusun secara hierarki, digunakan bagi tujuan pelaporan individu. Tahap penguasaan ini menandakan pencapaian murid berdasarkan kemahiran dalam bidang kesusasteraan secara keseluruhan merujuk pernyataan standard dalam DSKP KMK

KSSM. Tahap penguasaan keseluruhan kemahiran kesusasteraan ditentukan secara pertimbangan profesional dan kebijaksanaan guru melalui pelbagai kaedah seperti pemerhatian, latihan, pembentangan, respons murid, kerja projek berkumpulan dan sebagainya. Tahap penguasaan keseluruhan dan tafsiran umum KSSM KMK dihuraikan dalam Jadual 3.

Jadual 3: Penyataan Tahap Penguasaan Keseluruhan

TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
1 Sangat Terhad	Murid mengenali pengarang, mengetahui jenis, ciri-ciri, fungsi, elemen sastera dan memberikan kritikan mudah; mengenal pasti ciri-ciri insaniah yang dapat membangunkan diri, masyarakat dan negara; serta dapat menghasilkan karya pada tahap sangat lemah, sangat terhad dan memerlukan banyak bimbingan, panduan dan latihan .
2 Terhad	Murid mengenali pengarang, memahami jenis, ciri-ciri, fungsi, elemen sastera dan memberikan kritikan mudah; mengenal pasti ciri-ciri insaniah yang dapat membangunkan diri, masyarakat dan negara; serta dapat menghasilkan karya pada tahap lemah, terhad dan memerlukan sedikit bimbingan, panduan dan latihan .

TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
3 Memuaskan	Murid mengenali pengarang, menerangkan jenis, ciri-ciri, fungsi, elemen sastera dan memberikan kritikan; menghuraikan ciri-ciri insaniah yang dapat membangunkan diri, masyarakat dan negara; serta dapat menghasilkan karya yang kreatif tanpa bimbingan .
4 Baik	Murid mengenali pengarang, menerangkan jenis, ciri-ciri, fungsi, elemen sastera dan memberikan kritikan; menghuraikan ciri-ciri insaniah yang dapat membangunkan diri, masyarakat dan negara; serta dapat menghasilkan karya yang kreatif dan mengamalkan pembelajaran sendiri secara minimum .
5 Sangat Baik	Murid mengenali pengarang, menganalisis jenis, ciri-ciri, fungsi, elemen sastera dan memberikan kritikan; menilai ciri-ciri insaniah yang dapat membangunkan diri, masyarakat dan negara; serta dapat menghasilkan karya yang kreatif dengan menggunakan media baharu dan mengamalkan pembelajaran sendiri .

TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
6 Cemerlang	Murid mengenali pengarang, menganalisis jenis, ciri-ciri, fungsi, elemen sastera dan memberikan ktitikan; menilai ciri-ciri insaniah yang dapat membangunkan diri, masyarakat dan negara; serta dapat menghasilkan karya yang kreatif yang mantap dan berkesan dengan menggunakan media baharu, mengamalkan pembelajaran sendiri dan dijadikan contoh dalam penghasilan karya yang baik.

Guru perlu merujuk Jadual 3 iaitu Tahap Penguasaan Keseluruhan untuk setiap bidang dalam menentukan tahap penguasaan keseluruhan murid. Guru boleh mentafsir tahap penguasaan keseluruhan apabila murid telah melengkapkan proses PdP bagi sesuatu kelompok pembelajaran. Pertimbangan profesional guru diperlukan untuk menentukan tahap penguasaan keseluruhan murid berdasarkan pengalaman guru bersama-sama murid.

ORGANISASI KANDUNGAN

Kurikulum KMK digubal dengan memberikan penekanan pada Standard Kandungan (SK) dan Standard Pembelajaran (SP) yang perlu diketahui dan boleh dilakukan oleh murid. SK dan SP ini berpaksikan apresiasi sastera, pembangunan insan dan pengkaryaan yang disokong oleh elemen pengisian kurikulum. Standard ini digubal dalam bentuk pernyataan SK dan SP yang dipersembahkan dalam bentuk modular. Standard ini dibahagikan kepada bahagian dan unit yang mengandungi elemen pengetahuan, kemahiran, nilai murni, kreativiti dan inovasi yang perlu dikuasai oleh murid. Pelaksanaan bagi mata pelajaran KMK adalah mengikut Surat Pekeliling Ikhtisas semasa yang berkuat kuasa yang memperuntukkan waktu minimum sebanyak 64 jam setahun. Senarai karya KMK yang diguna pakai bagi Tingkatan 4 dan 5 adalah merujuk Surat Pekeliling Ikhtisas semasa yang sedang berkuat kuasa. Senarai karya mungkin akan bertukar dari semasa ke semasa seperti yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia.

Keterangan bagi setiap standard adalah seperti dalam Jadual 4.

Jadual 4: Penyataan Tahap Penguasaan Keseluruhan Kesusasteraan Melayu KSSM

Standard Kandungan	Standard Pembelajaran	Standard Prestasi
Penyataan spesifik tentang perkara yang patut diketahui oleh murid dan dapat dilakukan dalam suatu tempoh persekolahan merangkumi aspek pengetahuan, kemahiran dan nilai.	Suatu penetapan kriteria atau indikator kualiti pembelajaran dan pencapaian yang boleh diukur bagi setiap standard kandungan.	Merupakan satu set kriteria umum yang menunjukkan tahap-tahap prestasi yang perlu dipamerkan oleh murid sebagai tanda bahawa sesuatu perkara itu telah dikuasai.

DSKP KMK diorganisasikan dalam tiga lajur iaitu lajur Standard Kandungan, lajur Standard Pembelajaran dan lajur Catatan. Lajur Catatan merupakan lajur bagi memberikan maklumat tambahan berkaitan ilmu kesusasteraan Melayu. Rubrik Standard Prestasi pula berada pada akhir setiap bahagian iaitu Apresiasi Sastera, Pembangunan Insan dan Pengkaryaan.

Pembahagian KMK

KMK dikelompokkan kepada tiga bahagian yang perlu dikuasai sepanjang tempoh dua tahun pembelajaran menengah atas. Bahagian tersebut adalah seperti yang berikut:

1. Apresiasi Sastera

Bahagian ini bertujuan untuk melahirkan murid yang dapat menghargai kesusasteraan Melayu dan memupuk minat membaca karya sastera yang bermutu. Bagi mencapai tujuan ini, murid perlu mengenali pengarang dan karya-karya mereka serta memahami jenis, ciri dan fungsi sastera. Murid juga mengkaji karya terpilih secara terperinci termasuk membuat kritikan.

2. Pembangunan Insan

Bahagian ini bertujuan untuk menghasilkan murid yang bersahsiah mulia, peka dan prihatin terhadap isu masyarakat serta memiliki semangat patriotisme dan cinta akan negara. Pembangunan insan dibentuk dan dipupuk melalui pengalaman, penghayatan dan kajian yang dibuat terhadap karya yang dibaca.

3. Pengkaryaan

Bahagian ini bertujuan untuk mencungkil dan memupuk bakat serta kreativiti murid dalam pengkaryaan yang melibatkan penghasilan karya dalam bentuk adaptasi atau karya yang diolah dan penghasilan karya asli. Murid bebas untuk memilih genre pilihan sendiri dalam menghasilkan karya. Pengkaryaan turut memberi peluang kepada murid untuk mempersembahkan karya yang dihasilkan itu dalam pelbagai bentuk atau media (multimedia). Dalam mempersembahkan karya, murid digalakkan menggunakan media elektronik yang bersifat interaktif serta boleh membuat inovasi dan mencipta sesuatu yang baharu.

Perancangan Skema Kerja Mengikut Tingkatan

Pemisahan DSKP Tingkatan 4 dan Tingkatan 5 dilakukan berdasarkan tahap kesukaran genre atau aktiviti mengikut keupayaan murid. Pemisahan ini adalah seperti dalam Jadual 5.

Jadual 5: Perancangan Skema Kerja Mengikut Tingkatan

Genre/ Bahagian	Tingkatan 4	Tingkatan 5
Genre	Novel, cerpen, sajak, pantun dan syair.	Novel, gurindam, seloka, drama dan karya klasik.
1. Apresiasi Sastera	Mengenali pengarang, elemen sastera dan kritikan dijalankan semasa membuat kajian teks berdasarkan genre.	
2. Pembangunan Insan	Analisis terhadap sahsiah watak, isu masyarakat dan kenegaraan dijalankan semasa membuat kajian teks berdasarkan genre.	
3. Pengkaryaan	<ul style="list-style-type: none"> Menghasilkan sekurang-kurangnya satu karya adaptasi atau karya yang diolah. Mempersembahkan karya yang diadaptasi atau karya yang diolah. 	<ul style="list-style-type: none"> Menghasilkan sekurang-kurangnya satu karya asli. Mempersembahkan karya asli yang dihasilkan.

1. APRESIASI SASTERA

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	CATATAN
1.1 Mengenali pengarang dan memahami jenis, ciri dan fungsi kesusasteraan Melayu	Murid boleh: 1.1.1 Menyatakan biodata pengarang, karya dan sumbangan pengarang dalam bidang kesusasteraan 1.1.2 Menjelaskan jenis, ciri-ciri dan fungsi puisi tradisional 1.1.3 Menjelaskan jenis, ciri-ciri dan fungsi puisi moden 1.1.4 Menjelaskan jenis, ciri-ciri dan fungsi prosa tradisional 1.1.5 Menjelaskan jenis, ciri-ciri dan fungsi prosa moden 1.1.6 Membanding dan membezakan puisi tradisional dengan puisi moden dan prosa tradisional dengan prosa moden	<u>Jenis Puisi Tradisional:</u> Pantun, syair, gurindam dan seloka <u>Jenis Puisi Moden:</u> Sajak <u>Jenis Prosa Tradisional:</u> Karya klasik <u>Jenis Prosa Moden:</u> Novel, cerpen dan drama <u>Ciri-ciri prosa moden/tradisi:</u> Sifat yang khusus pada sesuatu yang membezakan daripada sesuatu yang lain <u>Fungsi:</u> Tujuan sesebuah karya kepada khalayak
1.2 Mengenali dan memahami elemen sastera	1.2.1 Mengenali dan memahami puisi tradisional (pantun, syair, gurindam, seloka) i) Mengkaji bentuk ii) Membaca, memahami dan menerangkan maksud	<u>Bentuk:</u> Rangkap, baris, patah perkataan, suku kata dan rima akhir

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	CATATAN
	<ul style="list-style-type: none"> iii) Membaca, memahami dan menerangkan tema dan persoalan iv) Menganalisis gaya bahasa v) Membincangkan nilai vi) Menghuraikan pengajaran 	<p><u>Binaan plot:</u> Merangkumi permulaan, perkembangan, klimaks dan peleraian</p> <p><u>Teknik Plot:</u> Cara atau kaedah pengarang mengembangkan cerita supaya menarik.</p> <p>Contoh teknik: suspens, imbas muka, imbas kembali, dialog, monolog, monolog dalaman, kejutan, konflik dan pemerian</p> <p><u>Gaya bahasa:</u></p> <ul style="list-style-type: none"> a. Pengulangan (simplok, repitisi, responsi, anafora dan epifora) b. Perbandingan (hiperbola, metafora dan simile) c. Perlambangan (simbol) d. Bahasa (bahasa istana, bahasa asing, bahasa arkaik dan dialek) e. Unsur bunyi (asonansi dan aliterasi) f. Paradoks, inversi, sinkope, personifikasi dan kata ganda g. Peribahasa
	<p>1.2.2 Mengenali dan memahami puisi moden (sajak)</p> <ul style="list-style-type: none"> i) Mengkaji bentuk ii) Membaca, memahami dan menerangkan maksud. iii) Membaca, memahami dan menerangkan tema dan persoalan iv) Menganalisis gaya bahasa v) Menganalisis nada vi) Membincangkan nilai vii) Menghuraikan pengajaran 	
	<p>1.2.3 Mengenali dan memahami prosa tradisional (karya klasik)</p> <ul style="list-style-type: none"> i) Membaca, memahami dan menyatakan sinopsis ii) Menerangkan tema dan persoalan iii) Membincangkan watak dan perwatakan iv) Menyatakan latar masa, tempat dan masyarakat v) Menerangkan binaan plot 	

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	CATATAN
	vi) Menghuraikan teknik plot vii) Membincangkan nilai viii) Menghuraikan pengajaran 1.2.4 Mengenali dan memahami prosa moden (novel, cerpen, drama) i) Membaca, memahami dan menyatakan sinopsis. ii) Menerangkan tema dan persoalan (novel dan cerpen) iii) Menerangkan pemikiran dan persoalan (drama) iv) Membincangkan watak dan perwatakan v) Menyatakan latar masa, tempat dan masyarakat vi) Menerangkan binaan plot vii) Menghuraikan teknik plot viii) Menganalisis gaya bahasa ix) Menganalisis sudut pandangan x) Membincangkan nilai xi) Menghuraikan pengajaran	<u>Nada:</u> a. Melankolik b. Protes c. Romantis d. Sinis e. Patriotik <u>Sudut pandangan:</u> Sudut pandangan orang pertama, sudut pandangan orang ketiga serba tahu dan sudut pandangan orang ketiga terbatas <u>Nilai Murni:</u> Nilai murni masyarakat <u>Pengajaran:</u> Amanat, mesej, perutusan atau pesanan yang perlu diteladani dalam kehidupan seseorang
1.3 Membuat kritikan sastera	1.3.1 Menjelaskan maksud kritikan sastera 1.3.2 Memberikan pandangan, sanjungan dan saranan terhadap karya yang dibaca	Asas kritikan tanpa menggunakan teori sastera Mempertimbang dan menilai karya sastera secara jujur dan diperkuatkan dengan alasan yang munasabah

TAHAP PENGUASAAN	STANDARD PRESTASI
	TAFSIRAN
1	Murid mengetahui dan menyatakan biodata pengarang, jenis, ciri-ciri dan fungsi; maksud, tema dan persoalan, watak dan perwatakan, latar masa, masyarakat dan tempat, binaan dan teknik plot, gaya bahasa, sudut pandangan, nilai dan pengajaran serta memberikan pandangan terhadap karya pada tahap sangat terhad .
2	Murid memahami dan menyatakan biodata pengarang, jenis, ciri-ciri dan fungsi; maksud, tema dan persoalan, watak dan perwatakan, latar masa, masyarakat dan tempat, binaan dan teknik plot, gaya bahasa, sudut pandangan, nilai dan pengajaran serta memberikan pandangan terhadap karya pada tahap terhad .
3	Murid memahami dan menerangkan biodata pengarang, jenis, ciri-ciri dan fungsi; maksud, tema dan persoalan, watak dan perwatakan, latar masa, masyarakat dan tempat, binaan dan teknik plot, gaya bahasa, sudut pandangan, nilai dan pengajaran serta membuat kritikan terhadap karya pada tahap memuaskan .
4	Murid memahami dan menghuraikan biodata pengarang, jenis, ciri-ciri dan fungsi; maksud, tema dan persoalan, watak dan perwatakan, latar masa, masyarakat dan tempat, binaan dan teknik plot, gaya bahasa, sudut pandangan, nilai dan pengajaran serta membuat kritikan terhadap karya pada tahap kukuh .
5	Murid memahami dan menganalisis biodata pengarang, jenis, ciri-ciri dan fungsi; maksud, tema dan persoalan, watak dan perwatakan, latar masa, masyarakat dan tempat, binaan dan teknik plot, gaya bahasa, sudut pandangan, nilai dan pengajaran serta membuat kritikan terhadap karya pada tahap tekal dan terperinci .
6	Murid memahami dan menganalisis pengarang, jenis, ciri-ciri dan fungsi; maksud, tema dan persoalan, watak dan perwatakan, latar masa, masyarakat dan tempat, binaan dan teknik plot, gaya bahasa, sudut pandangan, nilai dan pengajaran serta membuat kritikan terhadap karya pada tahap tekal, terperinci dan menjadi teladan .

2. PEMBANGUNAN INSAN

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	CATATAN
2.1 Menenal pasti dan membincangkan elemen sahsiah dalam karya yang dibaca dan dikaji	Murid boleh: 2.1.1 Menenal pasti dan membincangkan unsur keagamaan yang terdapat dalam karya sebagai ciri-ciri pembentukan sahsiah diri yang mulia 2.1.2 Menenal pasti dan membincangkan keperibadian unggul watak yang terdapat dalam karya sebagai ciri-ciri jati diri 2.1.3 Menenal pasti dan membincangkan pola fikir sesuatu watak yang terdapat dalam karya sebagai ciri-ciri individu yang berfikiran positif	Unsur keagamaan merupakan aspek yang sangat penting dalam pembentukan diri serta sahsiah seseorang individu. Contoh: kepercayaan kepada Tuhan, mengucapkan salam, berdoa
2.2 Menenal pasti dan membincangkan isu masyarakat dalam karya yang dibaca dan dikaji	2.2.1 Menenal pasti dan membincangkan isu masyarakat yang terdapat dalam karya dan kepentingannya terhadap kesejahteraan hidup bermasyarakat 2.2.2 Menenal pasti dan membincangkan citra masyarakat dalam karya dan menghubungkaitkannya dengan pembangunan masyarakat yang harmonis	Isu masyarakat merujuk tema dan persoalan yang memberi kesan kepada kesejahteraan masyarakat berbilang kaum. Contoh: isu alam sekitar, ekonomi, silang budaya dan seumpamanya
2.3 Menenal pasti dan membincangkan isu kenegaraan dalam karya yang dibaca dan dikaji	2.3.1 Menenal pasti dan membincangkan unsur patriotisme dalam karya dan menghubungkaitkannya sebagai asas pembangunan negara bangsa 2.3.2 Menenal pasti dan membincangkan ciri-ciri kepemimpinan yang terdapat dalam karya dan menghubungkaitkannya dengan pembentukan negara yang mapan	Isu kenegaraan merujuk kepada pemikiran yang disampaikan oleh pengarang. Contoh: isu kepimpinan, hubungan antarabangsa dan seumpamanya

TAHAP PENGUASAAN	STANDARD PRESTASI
	TAFSIRAN
1	Mengenal pasti unsur keagamaan, keperibadian unggul, isu dan citra masyarakat, unsur patriotisme dan ciri-ciri kepimpinan dalam karya dan menghubungkaitkannya dengan pembangunan sahsiah diri, masyarakat dan negara pada tahap sangat terhad.
2	Mengenal pasti unsur keagamaan, keperibadian unggul, isu dan citra masyarakat, unsur patriotisme dan ciri-ciri kepimpinan dalam karya dan menghubungkaitkannya dengan pembangunan sahsiah diri, masyarakat dan negara pada tahap terhad.
3	Mengenal pasti unsur keagamaan, keperibadian unggul, isu dan citra masyarakat, unsur patriotisme dan ciri-ciri kepimpinan dalam karya dan menghubungkaitkannya dengan pembangunan sahsiah diri, masyarakat dan negara pada tahap memuaskan.
4	Mengenal pasti unsur keagamaan, keperibadian unggul, isu dan citra masyarakat, unsur patriotisme dan ciri-ciri kepimpinan dalam karya dan menghubungkaitkannya dengan pembangunan sahsiah diri, masyarakat dan negara pada tahap kukuh.
5	Mengenal pasti unsur keagamaan, keperibadian unggul, isu dan citra masyarakat, unsur patriotisme dan ciri-ciri kepimpinan dalam karya dan menghubungkaitkannya dengan pembangunan sahsiah diri, masyarakat dan negara pada tahap tekal dan terperinci.
6	Mengenal pasti unsur keagamaan, keperibadian unggul, isu dan citra masyarakat, unsur patriotisme dan ciri-ciri kepimpinan dalam karya dan menghubungkaitkannya dengan pembangunan sahsiah diri, masyarakat dan negara pada tahap tekal, terperinci dan menjadi teladan.

3. PENGKARYAAN

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	CATATAN
3.1 Menghasilkan karya	Murid boleh: 3.1.1 Menghasilkan sekurang-kurangnya satu karya adaptasi atau karya yang diolah yang menepati ciri-ciri penulisan 3.1.2 Menghasilkan sekurang-kurangnya satu karya asli yang menepati ciri-ciri penulisan puisi	Mengaplikasikan ilmu yang dipelajari dalam Apresiasi Sastera
3.2 Mempersembahkan hasil karya	3.2.1 Mempersembahkan karya adaptasi atau karya yang diolah dalam pelbagai bentuk atau media 3.2.2 Mempersembahkan karya asli dalam pelbagai bentuk atau media	Menerbitkan karya dalam bentuk buku, majalah dan seumpamanya Mementaskan karya (drama) dalam bentuk persembahan panggung, video dan seumpamanya

TAHAP PENGUASAAN	STANDARD PRESTASI
	TAFSIRAN
1	Membuat adaptasi atau mengolah, menghasilkan karya yang menepati ciri-ciri penulisan dan mempersembahkannya dalam pelbagai bentuk yang kreatif pada tahap sangat terhad .
2	Membuat adaptasi atau mengolah, menghasilkan karya yang menepati ciri-ciri penulisan dan mempersembahkannya dalam pelbagai bentuk yang kreatif pada tahap terhad .
3	Membuat adaptasi atau mengolah, menghasilkan karya yang menepati ciri-ciri penulisan dan mempersembahkannya dalam pelbagai bentuk yang kreatif pada tahap memuaskan .
4	Membuat adaptasi atau mengolah, menghasilkan karya yang menepati ciri-ciri penulisan dan mempersembahkannya dalam pelbagai bentuk yang kreatif pada tahap kukuh .
5	Membuat adaptasi atau mengolah, menghasilkan karya yang menepati ciri-ciri penulisan dan mempersembahkannya dalam pelbagai bentuk yang kreatif pada tahap tekak dan terperinci .
6	Membuat adaptasi atau mengolah, menghasilkan karya yang menepati ciri-ciri penulisan dan mempersembahkannya dalam pelbagai bentuk yang kreatif pada tahap tekak, terperinci dan menjadi teladan .

GLOSARI

Bil	Kosa Kata	Maksud/ Penerangan
1.	adaptasi	Penyesuaian dengan keadaan yang baharu atau berbeza
2.	alam sekitar	Terdiri daripada: <ul style="list-style-type: none"> • lapisan udara (atmosfera) • bahagian bumi yang mengandungi air (hidrosfera) • tempat yang boleh dihuni oleh benda-benda hidup (biosfera) • batuan dan tanah tanih (litosfera)
3.	aliterasi	Pengulangan bunyi konsonan dalam baris yang sama.
4.	anafora	Pengulangan kata/ frasa pada awal baris secara berturut-turut
5.	asonansi	Pengulangan bunyi vokal dalam baris yang sama
6.	bahasa arkaik	Bahasa kuno yang sudah tidak lazim digunakan. Contoh; mejelis (cantik), cetera (cerita), ukuran cupak, gantang
7.	bahasa istana	Bahasa yang digunakan ketika berkomunikasi dalam kalangan kerabat di raja. Contoh: santap, gering, titah

Bil	Kosa Kata	Maksud/ Penerangan
8.	ciri-ciri kepimpinan	<ul style="list-style-type: none"> • memiliki integriti yang tinggi (jujur, amanah, menepati masa, adil, taat, telus, ikhlas, bertanggungjawab, komited, berdedikasi) • mampu berkomunikasi dengan berkesan (bertolak ansur, empati, berbudi bahasa) • bijak dalam menangani situasi (boleh membuat keputusan dan dapat menyelesaikan masalah) • berani (menyuarakan pendapat, menyahut cabaran, menegakkan kebenaran, mempertahankan maruah dan hak)
9.	citra	Merujuk gambaran atau cerminan masyarakat sebenar. Sebagai contoh, citra masyarakat Putrajaya ialah masyarakat yang terdiri daripada penjawat awam
10.	dialek	Bahasa atau loghat yang digunakan di daerah-daerah tertentu. Contoh: jangok (bahasa Kelantan bermaksud bergaya)
11.	diolah	Mengerjakan sehingga menjadi sesuatu yang lain

Bil	Kosa Kata	Maksud/ Penerangan
12.	epifora	Pengulangan kata/ frasa pada akhir baris secara berturut-turut
13.	hiperbola	Perbandingan melampau. Contoh: akan kurenangi tujuh lautan api
14.	imej dan imejan	<ul style="list-style-type: none"> Imej: gambaran, cerminan atau bayangan. Contoh: sisir rongak menggambarkan kemiskinan Imejan: penggunaan beberapa imej yang terhimpun dalam sesebuah karya sastra. Contohnya gambaran kemiskinan seperti sisir rongak, cermin yang sompek, bangku kaki tiga
15.	inversi	Pembalikan kalimat Contoh: ini rumah yang kucinta
16.	jati diri	Sifat atau ciri yang unik dan istimewa dari segi adat, bahasa, budaya dan agama serta semangat patriotik yang kukuh
17.	keperibadian unggul	Sifat yang sempurna (cemerlang, berjaya, istimewa) yang dapat dicontohi
18.	mapan	Stabil
19.	metafora	Perbandingan yang menggabungkan konkrit dan abstrak. Contoh: pantai harapan

Bil	Kosa Kata	Maksud/ Penerangan
20.	paradoks	Pertentangan dua situasi. Contoh: gembira dalam duka
21.	personifikasi	Memberikan sifat manusia kepada bukan manusia. Contoh: daun melambai-lambai
22.	pelbagai bentuk/ media (multimedia)	Merupakan proses komunikasi interaktif berasaskan teknologi komputer yang menggabungkan penggunaan pelbagai unsur media digital seperti teks, audio, grafik, animasi dan video untuk menyampaikan maklumat
23.	pola fikir	Cara berfikir yang mempengaruhi peri laku (<i>behaviour</i>) dan sikap (<i>attitude</i>) seseorang yang akhirnya menentukan tahap keberhasilan hidupnya. Contohnya, masyarakat hari ini memikirkan pentingnya teknologi maklumat. Oleh itu, teknologi maklumat sudah mempengaruhi keseluruhan gaya hidup masyarakat hari ini
24.	repetisi	Pengulangan umum kata, frasa dan kalimat
25.	responsi	Pengulangan kata/ frasa di tengah baris secara berturut-turut

Bil	Kosa Kata	Maksud/ Penerangan
26.	sahsiah	<ul style="list-style-type: none"> Keperibadian atau peribadi, personaliti Sistem kecenderungan bertingkah laku
27.	silang budaya	Perbandingan atau pertembungan dua atau lebih budaya
28.	simbol	Simbol merupakan lambang atau tanda. Contoh: bunga melambangkan wanita, kumbang melambangkan lelaki, putih melambangkan kesucian
29.	simile	Perbandingan yang menggunakan kata bak, seperti, bagai, umpama, ibarat, macam dan laksana
30.	simplok	Pengulangan kata pada awal dan akhir baris yang sama. Contoh: sayang seribu kali sayang
31.	sinkope	Pemendekan sesuatu kata dengan menggunakan satu atau lebih huruf atau suku kata daripada tengah-tengah kata itu. Contoh: matahari – mentari, tidak – tak

Bil	Kosa Kata	Maksud/ Penerangan
32.	sudut pandangan	<p>Cara pengarang mempersembahkan cerita kepada pembaca. Terdapat tiga cara pengarang menyampaikan sudut pandangan:</p> <ol style="list-style-type: none"> Sudut pandangan orang pertama (penggunaan kata ganti nama diri pertama - aku, saya, kami) Sudut pandangan orang ketiga serba tahu (dia, mereka atau lengkap dengan nama), pengarang bersikap serba tahu dan bebas bercerita tentang emosi, fikiran dan pergolakan jiwa watak-watak Sudut pandangan orang ketiga terbatas (penggunaan kata ganti nama diri ketiga - dia, mereka atau lengkap dengan nama), pengarang hanya terbatas bercerita tentang watak-watak tertentu sahaja
33.	unggul	Melebihi daripada yang lain, terbaik, teristimewa
34.	unsur patriotisme	<ul style="list-style-type: none"> Bangga sebagai rakyat Malaysia Semangat setia akan negara Sanggup berkorban untuk negara

PANEL PENGGUBAL

- | | |
|---|--|
| 1. Dr. Mazlan bin Ismail | Bahagian Pembangunan Kurikulum |
| 2. Farizah Hanim binti Ismail | Bahagian Pembangunan Kurikulum |
| 3. Zaiton binti Hj. Derahman | Bahagian Pembangunan Kurikulum |
| 4. Isnazhana binti Ismail | Bahagian Pembangunan Kurikulum |
| 5. Dr. Siti Zubaidah binti Raja Mohamed | IPG Kampus Pendidikan Teknik, Bandar Enstek, Nilai |
| 6. Zahara binti Zulkifly | IPG Kampus Pendidikan Islam, Bangi |
| 7. Shamsudin bin Abu Bakar | IPG Kampus Ipoh, Ipoh |
| 8. Aiani binti Sudeen | SMK Seremban Jaya, Seremban, Negeri Sembilan |
| 9. Norsaedah binti Che Ree | SMK Khir Johari, Tanjong Malim, Perak |
| 10. Zinaida binti Ariffin | SM Pendidikan Khas, Jalan Genting Kelang, Kuala Lumpur |
| 11. Rohayah binti Hj. Mohd. Tahir | SMK Saujana Impian, Kajang, Selangor |
| 12. Jamilah binti Ismail | SMK Convent Bukit Nanas, Kuala Lumpur |

TURUT MENYUMBANG

1. Prof. Madya Dr. Abdul Halim bin Ali
Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim, Perak
2. Prof. Madya Dr. Shaiful Bahri bin Md. Radzi
Universiti Kebangsaan Malaysia
3. Dr. Maskiah binti Masrom
IPG Kampus Temenggong Ibrahim, Johor Bahru, Johor
4. Dr. Mohd. Haidi bin Kasran
IPG Kampus Bahasa Melayu, Lembah Pantai Kuala Lumpur
5. Lokman Abdul Wahid
IPG Kampus Bahasa Melayu, Lembah Pantai Kuala Lumpur
6. Azman bin Rahmat
IPG Kampus Bahasa Melayu, Lembah Pantai Kuala Lumpur
7. Ramly bin Abu
IPG Kampus Perempuan Melayu Melaka, Melaka
8. Abdul Rani bin Hasan
IPG Kampus Ipoh, Ipoh
9. Khaidir bin Othman
Lembaga Peperiksaan, KPM
10. Mohd. Eddy bin Ahmad Esa
Majlis Peperiksaan Malaysia, KPM
11. Y.M. Tengku Zaiman bin Raja Midin
SMK Perempuan Jalan Ipoh, Kuala Lumpur

PENGHARGAAN

Penasihat

- | | | |
|---------------------------|---|--------------------------|
| Dr. Mohamed bin Abu Bakar | - | Timbalan Pengarah |
| Datin Dr. Ng Soo Boon | - | Timbalan Pengarah (STEM) |

Penasihat Editorial

- | | | |
|----------------------------------|---|--------------|
| Mohamed Zaki bin Abd. Ghani | - | Ketua Sektor |
| Haji Naza Idris bin Saadon | - | Ketua Sektor |
| Mahyudin bin Ahmad | - | Ketua Sektor |
| Dr. Rusilawati binti Othman | - | Ketua Sektor |
| Mohd Faudzan bin Hamzah | - | Ketua Sektor |
| Fazlinah binti Said | - | Ketua Sektor |
| Mohamed Salim bin Taufix Rashidi | - | Ketua Sektor |
| Haji Sofian Azmi bin Tajul Arus | - | Ketua Sektor |
| Paizah binti Zakaria | - | Ketua Sektor |
| Hajah Norashikin binti Hashim | - | Ketua Sektor |

Penyelaras Teknikal Penerbitan dan Spesifikasi

Saripah Faridah binti Syed Khalid
Mior Syazril bin Mohamed Sapawi

Pereka Grafik

Siti Zulikha Binti Zelkepli

ISBN 978-967-420-506-5



**Bahagian Pembangunan Kurikulum
Kementerian Pendidikan Malaysia**
Aras 4-8 Blok E9, Kompleks Kerajaan Parcel E,
62604 Putrajaya.
Tel: 03-8884 2000 Fax: 03-8888 9917
<http://bpk.moe.gov.my>